


# LANGKAWI

## BUKAN SEKADAR DESTINASI MAKAN ANGIN

Langkawi merupakan sebuah kepulauan yang terdiri daripada 99 gugusan buah pulau. Pulau yang lebih dikenali dengan jolokan nama “Permata Kedah” ini dikelilingi lautan biru manakala bahagian dalam pulau utama pula terbentang taburan sawah padi dan bukit-bukau dengan hutan semula jadi. Pulau Langkawi merupakan pulau bebas cukai, justeru harga barangan seperti rokok, minuman keras dan coklat sangat murah.



Setiap pelancong mempunyai had maksimum untuk membawa keluar barangan bebas cukai. Oleh itu, sebelum pulang ke negeri masing-masing, pastikan anda tidak melepasi had maksimum yang dibenarkan atau anda akan terpaksa membayar cukai!

Golongan pencinta alam semula jadi akan mendapati Pulau Langkawi sangat tenang dan mendamaikan dengan pantai yang dikelilingi pasir sehalus serbuk dan pokok kelapa yang bergoyang-goyang dihembus bayu laut. Pulau Langkawi juga sangat terkenal sehingga pulau ini dipilih untuk projek rintis gelembung pelancongan. Definisi gelembung pelancongan ialah situasi hanya pelancong dari sesuatu negeri atau negara yang dibenarkan masuk ke

sesebuah negeri atau negara yang berjaya mengawal penularan wabak pandemik.

Semasa negara kita masih lagi berdepan dengan ancaman pandemik COVID-19, keputusan kerajaan untuk membenarkan gelembung pelancongan sedikit sebanyak memberikan nafas baharu buat sektor pelancongan. Gelembung pelancongan ini boleh mengembalikan semula keyakinan rakyat untuk melancong. Pelaksanaan gelembung pelancongan bertujuan untuk membantu memulihkan ekonomi dan membolehkan rakyat bergerak ke lokasi lain untuk melancong.

Pulau Langkawi adalah antara pulau pelancongan yang terkesan teruk dengan penularan pandemik

COVID-19. Pengusaha-pengusaha pelancongan mengeluh dan ada yang bergolok-bergadai untuk memastikan perniagaan mereka tidak gulung tikar. Menyedari permasalahan ini, kerajaan telah memulakan Projek Rintis Gelembung Pelancongan Domestik Langkawi bermula pada 16 September 2021.

Seiring dengan pengumuman tersebut, beberapa prosedur operasi standard (SOP) telah ditetapkan oleh kerajaan bagi memastikan projek rintis gelembung pelancongan ini berjaya. Antara SOP yang perlu dipatuhi adalah hanya individu yang lengkap dua dos vaksin sahaja dibenarkan masuk ke Langkawi dan wajib melakukan ujian saringan COVID-19 sebelum berlepas ke Langkawi.



Dengan kerjasama padu daripada semua pihak di bawah keluarga Malaysia, Gelebung Pelancongan Langkawi telah mencatatkan kejayaan. Tidak ada kluster baru yang direkodkan dalam kalangan pelancong yang tiba di Pulau Langkawi, malah keuntungan pendapatan sebanyak RM15.97 juta telah direkodkan bermula 16 hingga 30 September 2021 yang lalu.

### LANGKAWI PILIHAN PELANCONG DOMESTIK


Langkawi dianugerahkan status “Geopark” oleh The United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO) kerana keindahan warisan geologinya yang terdiri daripada landskap yang indah, binaan batu kapur, gua, gerbang laut, longgokan rumput kering, batu tinggalan glasier dan fosil. Dengan sejarah geologi sejak dari 500 juta tahun lalu, Pulau Langkawi mempunyai formasi batu unik yang membangkitkan imaginasi dan mengelirukan minda. Bahkan, pulau ini mempunyai warisan mitos dan legenda yang menarik. Antaranya termasuklah kisah gergasi dan burung garuda, pahlawan dan puteri kayangan, peperangan dan kisah cinta.

Mitos yang sering dikaitkan dengan Langkawi Pulau Legenda ialah Mahsuri Wanita Berdarah Putih. Langkawi adalah tempat yang sesuai untuk merehatkan minda setelah penat bekerja bagi mereka yang ingin lari daripada kesibukan kota. Nikmatilah aktiviti berasaskan alam semula jadi atau bersantai di tepi pantai. Walaupun sudah berkali-kali penulis bercuti di pulau ini, tetapi terasa seakan tidak puas. Panggilan pulau ini cukup kuat sehingga membuatkan penulis mahu sekali lagi menjejaskan kaki ke pulau legenda ini.


Oleh sebab kampung penulis terletak di Perlis, penulis memilih untuk menggunakan perkhidmatan feri dari Kuala Perlis ke Jeti Kuah, Pulau Langkawi. Perjalanan sehala dari Kuala Perlis ke Pulau

Langkawi mengambil masa lebih kurang satu jam. Sedikit pesanan buat mereka yang ingin membeli tiket feri, kini anda boleh membeli tiket feri secara dalam talian. Penulis menyarankan agar setiap pengunjung mendapatkan tiket lebih awal bagi mengelakkan kehabisan tiket feri. Penulis difahamkan, pada masa artikel ini ditulis, kekerapan


perkhidmatan feri dari Kuala Perlis ke Kuah tidak banyak dan kadangkang cuma ada dua atau tiga kali sahaja perkhidmatan feri. Justeru jika anda berhasrat untuk bercuti di Pulau Langkawi pada cuti umum atau hujung minggu, segera mendapatkan tiket feri dengan lebih awal.



Pemandangan Sky Bridge.



ATV di Pantai Tanjung Rhu.



Sangkar ikan restoran terapung.

## LANGKAWI BUKAN SEKADAR KERETA KABEL


Lazimnya, jika bercuti ke Pulau Langkawi, aktiviti yang wajib dilakukan adalah menaiki kereta kabel ke puncak Gunung Mat Chinchang. Buat mereka yang pernah sampai ke puncak gunung, tidak boleh dinafikan pemandangan dari atas puncak gunung sememangnya cukup menawan. Malah pengalaman menaiki kereta kabel yang paling curam juga cukup mengujakan. Kadangkala apabila angin bertiup agak kencang, berderau juga darah di dalam badan kerana kereta kabel bergoyang-goyang. Jika anda suka lebih cabaran, anda boleh memilih untuk menaiki kereta kabel safari yang tidak mempunyai tingkap.


Jika anda merancang untuk bercuti ke Pulau Langkawi pada masa yang terdekat ini, penulis ingin mencadangkan supaya anda melakukan beberapa aktiviti yang agak ekstrem untuk sedikit kelainan. Morac Adventure Park menjanjikan satu kelainan apabila anda boleh mencuba untuk memandu go-kart.

Litar di Morac Adventure Park adalah satu-satunya litar di Malaysia yang mempunyai papan masa Diod pemancar cahaya (LED) secara langsung. Litar ini juga menawarkan perkhidmatan *Live Map Driver Tracking* yang memastikan penonton tahu lokasi pelumba berada di atas litar. Terdapat 20 buah go-kart SR4 Sodikarts (go-kart Perancis) yang boleh disewa. Setiap pelumba juga mempunyai insurans khas ketika berlumba di sini.

Jika anda merupakan peminat kenderaan serba rupa bumi (ATV), anda boleh mencuba sukan ATV dengan menggunakan perkhidmatan Toro Watersport. Penulis mencadangkan selepas anda selesai dengan aktiviti lawatan paya bakau KILIM, anda boleh singgah di Toro Watersport yang terletak di Pantai Tanjung Rhu. Terdapat dua pakej laluan ATV di situ, iaitu laluan pantai atau laluan hutan. Malangnya, ketika penulis berada di sini, air laut sedang mengalami pasang besar dan mengakibatkan beberapa laluan telah ditenggelami air. Penulis sekadar dapat menunggang ATV di laluan pantai yang kurang mencabar.

Selain ATV, Toro Watersport turut menyediakan perkhidmatan luncur jet untuk disewa. Terdapat beberapa pakej yang boleh dipilih jika anda ingin mengelilingi pulau menggunakan luncur jet. Malah anda juga boleh menunggang luncur jet untuk pergi ke Pulau Tuba bagi menikmati mi udang yang terkenal di sana.

Melihat pemandangan matahari terbenam dari kapal layar adalah perkara biasa. Cabar diri anda untuk menyaksikan pemandangan matahari terbenam di Tanjung Rhu menggunakan kayak. Cabar diri anda untuk berkayak selama tiga jam dan menyaksikan keindahan matahari terbenam. Rakamkan momen-momen indah ini, kemudian tambah kembali tenaga anda dengan makan semangkuk mi udang segar sebagai menu makan malam sebelum pulang ke hotel. 



Mercu tanda ikonik Kilim Geoforest Park.

## INFORMASI

- 👉 Terdapat dua lokasi jeti untuk **KILIM Mangrove Tour**, iaitu di Jeti Tanjung Rhu atau Jeti KILIM. Pastikan anda tahu lokasi sebenar agak tidak salah pada hari aktiviti.
- 👉 Anda boleh mencuba produk pelancongan terbaru, iaitu **Mangrove Tour Kubang Badak**.
- 👉 Melihat sendiri tapak kebuk arang lama yang berusia lebih 100 tahun dan mengakhiri perjalanan anda dengan mencuba menu ketam nipah segar di Crab Farm.
- 👉 Caj untuk menunggang ATV ialah RM90 untuk tempoh setengah jam.
- 👉 Pastikan anda timbang dan sahkan harga makanan laut anda sebelum makan di Restoran Terapung KILIM Geopark.
- 👉 Mencabar diri dengan melakukan aktiviti **water abseiling** di Durian Perangin Waterfall.
- 👉 Muat turun aplikasi "Cuti Cuti Langkawi" untuk membeli tiket feri ke Pulau Langkawi.
- 👉 Menikmati laksa di Teluk Yu.